

D148°

U 8429 DEB
MAHATHIR - FELDA

KUALA LUMPUR, 23 JAN (BERNAMA) -- DATUKSERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KAJIAN SEDANG DILAKUKAN UNTUK MENGENAL PASTI PUNCA KEGAGALAN PENGURUSAN FELDA MENDAPATKAN KEUNTUNGAN, SEPERTI SYARIKAT-SYARIKAT PERLADANGAN SWASTA HESKIPUN KOS PENTADBIRANNYA DIBIAYAI OLEH KERAJAAN.

PERDANAMENTERI BERKATA, TINDAKAN AKAN DILAKUKAN UNTUK MENGATASI PUNCA KELEMAHAN YANG WUJUD SELEPAS IA DIKENAL PASTI.

+YANG JELAS, DALAM SEKTOR SHASTA SEMUA GAJI PARA PENGURUSNYA DIBAYAR OLEH SYARIKAT DAN MEREKA MASIH UNTUNG. SEBALIKNYA DALAM FELDA, SEMUA GAJI DIBAYAR OLEH KERAJAAN TETAPI KEUNTUNGANNYATIDAK SAMA SEPERTI DI SYARIKAT,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASHIKAN MESYUARAT AGUNG DWITAHUNAN PERSATUAN KEBANGSAAN PEKEBUN-PEKEBUN KECIL MALAYSIA (PKPKM) DI BANGUNAN RISDA DI SINI HARI INI.

KETIKA BERUCAP, DATUK'SERI DR MAHATHIR BERKATA WALAUPUN SAIZ LADANG FELDA LEBIH BESAR BERBANDING- DENGAN ESTET-ESTET SWASTA MANAKALA KERAJAAN MEMPERUNTUKAN KIRA-KIRA \$100JUTA UNTUK MEMBIAYAI KOS PENTADBIRANNYA, KEUNTUNGAN YANG DIPEROLEHI MASIH TIDAK SEPERTI SYARIKAT PERLADANGAN SWASTA.

KATANYA, SYARIKAT SWASTA MASIH MAMPU MENCATAT KEUNTUNGAN WALAUPUN MEREKA MEMBIAYAI GAJI PENGURUSNYA SENDIRI KERANA' MEREKA DAPAT MENGURANGKAN KOS PENGELUARANNYA. -- LAGI.

1255MST 25 01 89

UB431 DEB
MAHATHIR - FELDA 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MEMBERI CONTOH: +JIKA KOS PENGELUARAN FELDA ADALAH \$600, SYARIKAT UNITED PLANTATION HANYA MEMERLUKAN \$4009 DAN APABILA MEMEROLEHI KUTIPAN HASIL JUALAN SEBANYAK \$700, FELDA HANYA UNTUNG \$100 MANAKALA SYARIKAT BERKENAAN BEROLEH \$300+.

+APAKAH HERTINYA PERNIAGAAN SEKIRANYA SETIAP KERUGIAN PERLU DITAMPUNG OLEH KERAJAAN?+ KATANYA SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA PENGURUSAN FELDA PERLU DIKAJI UNTUK MENGENAL PASTI PERBEZAANNYA DENGAN SYARIKAT SWASTA.

BELIAU JUGA MEMBERI CONTOH KELUASAN TANAH PEKEBUN KECIL DI MALAYSIA YANG LEBIH BESAR BERBANDING DENGAN KELUASAN ESTET SEPERTI GUTHRIE TETAPI GAGAL MENDAPATKAN HASIL SAMA SEPERTI DI ESTET.

KATANYA, KERAJAAN MENUBUHKAN FELDA BAGI MEMBOLEHKAN PEKEBUN KECIL MENJADI +PEMILIK ESTET+ DAN DAPAT MENJALANKAN PENGELUARAN SECARA BERKESAN.

+IA LEBIH BAIK DARIPADA CARA PEKEBUN KECIL TETAPI MALANGNYA HASILNYA MASIH TIDAK MENYAMAI SEPERTI HASIL SYARIKAT SWASTA,+ TAHBAHNYA. -- LAGI.

1331MST 25 01 89

U B435 DEB
MAHATHIR - FELDA 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA RAKYAT TIDAK SEHARUSNYA SEMATA-MATA BERSYUKUR SAHAJA TERHADAP KURNIAAN +BUMISUBUR+ OLEH TUHAN TANPA MENTERJEMAHKAN PERASAAN ITU DENGAN TINDAK-TANDUK UNTUK MENDAPATKAN HASIL PALING MAKSIMUM.

BELIAU BERKATA BUMI MALAYSIA SUBUR SEHINGGAKAN JIKA DIPATAHKAN R A N T I N G D A N D I C U C U K K E D A L A M B U M I , I A A K A N T U M B U H W A L A U P U N T A N P A U S A H A .

MESKIPUNDEMIKIAN, KATANYA, IA HENDAKLAH DIURUSKAN SECARA BERKESAN AGAR TIDAK MENJADI SEPERTI PEPATAH MELAYU +AYAM DI KEPUK MATIKELAPARAN, ITIK DI AIR MATI KEHAUSAN+.

KATANYA, SIKAP BEGITU SAMA SEPERTI SESEORANG YANG MENGUCAPKAN TERIMA KASIH APABILA DIBERI HADIAH TETAPI KEMUDIANNYA HADIAH TERSEBUT DIBUANG ATAU TIDAK DIGUNAKAN.

BELIAU JUGA MEMBERI CONTOH KAWASAN PADANG PASIR DI NEGARA ARAB YANG KINI BOLEH MENGHASILKAN GANDUM UNTUK DIEKSPORT SETELAH IA DIUSAHAKAN DENGAN BERKESAN. -- LAGI.

1343HST 25 01 89

D164

U B437 DEB
MAHATHIR - FELDA 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MENASIHATI PEKEBUN KECIL SUPAYA MEMPELBAGAI KEGUNAAN TANAH MASING-MASING TERMASUK MENTERNAK KAMBING BIRI-BIRIDI KAWASAN GETAH ATAU MENANAM BETIK.

SEBANYAK SEMBILAN JUTA EKOR KAMBING BIRI-BIRI BOLEH DITERNAK DI KAWASAN GETAH DI MALAYSIA, KATANYA SAMBIL MENAMBAH BAHAWA TERNAKAN ITU HENDAPAT PASARANDI ARAB SAUDI.

MENGENAI BANTUAN KERAJAAN KEPADA PEKEBUN KECIL, PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU SEDIA MENGHANTAR 10 WAKIL PKPKH KE SEBUAH NEGARA YANG MENANAH GETAH UNTUK MENINJAU BANTUAN YANG DIBERI OLEH KERAJAAN BERKENAAN.

KEPADA CADANGAN YANG DIPERTUA PKPKM, DATUK AHMAD ARSHAD SUPAYA HUTANG PINJAMAN PEKEBUN KECIL BERJUMLAH KIRA-KIRA \$70 JUTA DIHAPUSKAN, PERDANA MENTERI BERKATA, IA PERLU DIJELASKAN KERANA WANG TERSEBUT BOLEH DIGUNAKAN UNTUK FAEDAH LAIN SEPERTI MEMBERI BIASISWA KEPADA PELAJAR.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU IALAH Pengerusi RISDA, ENCIK HOHD NOR REJAB DAN KETUA PENGARAHNYA, DATUK HASSAN IBRAHIM. -- BERNAHA.

1352MST 25 01 89